



## KENYATAAN MEDIA

OLEH  
**YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

Saya merujuk kepada berita **Malaysia Dateline** pada hari ini bertajuk "*Zahid, tiga lagi MP juga minta pindah kerusi ke blok Bebas*" yang melaporkan saya sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak membenarkan permohonan daripada empat Ahli Parlimen UMNO untuk menukar tempat duduk sedia ada dalam Dewan Rakyat yang dikemukakan seminggu sebelum Dewan Rakyat bersidang.

Saya menafikan sekeras-kerasnya laporan berita tersebut dan ingin menyatakan bahawa saya tidak pernah menerima apa-apa permohonan daripada Ahli-Ahli Parlimen berkenaan. Saya anggap berita tersebut adalah satu pembohongan dan fitnah terhadap saya.

Sekian, terima kasih.

**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

27 Julai 2021  
Parlimen Malaysia  
KUALA LUMPUR